



NAJIB melambai tangan kepada orang ramai di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya semalam.



NAJIB menaiki MRT menuju ke Stesen Sungai Buloh semalam.



NAJIB menapak tangan pada skrin sebagai gimik melancarkan fasa pertama perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT) bagi laluan Sungai Buloh-Kajang di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya, Selangor semalam.

# Tambang MRT percuma selama sebulan

- Promosi kerajaan sempena pelancaran projek MRT di Lembah Klang
- Bas pengantara percuma sebulan

SISTEM pengangkutan darat era moden di Malaysia memasuki fasa baharu apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan projek Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang fasa pertama di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya, Selangor semalam.

Perkhidmatan MRT bagi fasa pertama itu menghubungkan Sungai Buloh, Selangor ke Semantan, Kuala Lumpur melibatkan laluan sepanjang 21 kilometer dengan 12 buah stesen.

Serentak itu, Najib mengumumkan bahawa syarikat Rapid Rail akan memberikan perkhidmatan

MRT yang menelan kos RM21 bilion tersebut secara percuma selama sebulan kepada semua penumpang bermula hari ini hingga 16 Januari tahun depan.

Lebih mengujakan, dalam tempoh sebulan ini, perkhidmatan bas pengantara turut diberikan secara percuma di semua stesen.

"Perkhidmatan percuma ini merupakan hadiah tahun baru kepada rakyat. Kita beri mereka peluang untuk mencuba kemudahan pengangkutan awam yang baharu, moden dan efisien," katanya ketika melancarkan projek itu semalam.

Sistem MRT mampu membawa 400,000 penumpang sehari apabila ia siap sepenuhnya pada Julai 2017.

SISTEM MRT bagi laluan Sungai Buloh-Semantan di Kuala Lumpur mula beroperasi hari ini.

BERITA DI MUKA 2 & 3

## Perasmian MRT Sungai Buloh-Kajang Fasa 1

### Najib umum penumpang nikmati tambang percuma selama sebulan MRT mula operasi hari ini

Oleh NADIA SHAIFUL BAHARI

**P**ETALING JAYA – Sistem pengangkutan awam di negara ini membuka satu lembaran baharu apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyempurnakan perasmian operasi perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) fasa pertama semalam.

Perkhidmatan MRT fasa pertama di negara itu menghubungkan Sungai Buloh, Selangor ke Semantan, Kuala Lumpur melibatkan laluan sepanjang 21 kilometer (km) dengan 12 buah stesen.

Stesen tersebut ialah di Sungai Buloh, Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr. Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

Pada majlis perasmian itu, Perdana Menteri turut mengumumkan berita gembira bahawa pengendali MRT, Rapid Rail Sdn. Bhd., anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana) memberikan perkhidmatan MRT dan bas pengantara percuma di stesen selama sebulan bermula hari ini sehingga 16 Januari depan.

"Ini sebagai hadiah tahun baru kepada rakyat dan memberikan mereka peluang untuk mencuba kemudahan pengangkutan awam yang baharu, moden dan efisien," kata Najib ketika merasmikan pelancaran operasi fasa pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) di Stesen Kwasa Damansara di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liew Tiong Lai; Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah



NAJIB menerima cenderahati replika tren MRT daripada Ali (kiri) selepas Perdana Menteri merasmikan pelancaran perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Semantan fasa satu di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya semalam.



NAJIB bersama Tiong Lai (dua dari kiri) dan Syed Hamid (dua dari kanan) menaiki perkhidmatan MRT dari Stesen Kwasa Damansara ke Sungai Buloh semalam.



JAJARAN perkhidmatan MRT dari Sungai Buloh ke Semantan.

Transformasi Ekonomi tersebut menelan belanja sebanyak RM21 bilion.

Katanya, projek itu berjaya menjimatkan kira-kira RM23 bilion daripada kos sasaran RM23 bilion yang ditetapkan oleh kerajaan.

Perdana Menteri turut melancarkan projek ini akan berintegrasi dengan stesen-stesen Komuter, LRT, Monorel dan ERL," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran operasi fasa pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) di sini semalam.

Ali berkata, bagi kemudahan para pengguna, perkhidmatan bas pengantara MRT yang

liu, Najib berkata, perkhidmatan tren tersebut juga memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung daripada kerjasama pembinaan, penajaan, peningkatan produktiviti dan peningkatan masa rakyat.

Katanya, projek berkenaan juga berjaya mengurangkan 50 peratus daripada jumlah nilai kontrak kepada syarikat bumiputera, melebihi sasaran 43 peratus yang ditetapkan di peringkat awal.

Perdana Menteri berkata, usahawan bumiputera turut diberikan sebanyak 50 peratus ruang niaga di stesen-stesen MRT dan ia jauh melebihi sasaran awal se-

- INFO** MRT Sungai Buloh-Kajang Fasa 1
- Projek MRT mula dibina pada Julai 2011
  - Terdapat 12 stesen di antara Sungai Buloh ke Semantan
  - Laluan fasa pertama sejauh 21 kilometer (km) daripada keseluruhan 51km
  - Perjalanan dua hala Sungai Buloh-Semantan mengambil masa selama 71 minit
  - Guna empat gerabak (dua gerabak motor, dua gerabak trailer) tanpa pemandu
  - Sedia kemudahan 88 kerusi untuk penumpang
  - Kapasiti 1,200 penumpang untuk satu perjalanan (empat gerabak)
  - Kelajuan 100 kilometer sejam
  - Kadar kekerapan 3.2 minit
  - Kadar tambang antara RMI hingga RM3.90
  - Dijangka menampung 400,000 penumpang sehari selepas siap sepenuhnya.
  - Mempunyai laluan bawah tanah sejauh 9.5km melibatkan stesen Muzium Negara, Pasar Seni, Merdeka, Bukit Bintang, Tun Razak Exchange, Cochrane dan Maluri
  - Sedia kemudahan 8,000 ruang parkir di stesen MRT tertentu
  - Kadar rata-rata RM4.30 sehari di stesen kendalian MRT Corp iaitu stesen Sungai Buloh dan Phileo Damansara bagi pengguna kad Touch 'n' Go
  - Fasa kedua sejauh 30 kilometer memabitkan 19 stesen dari Semantan ke Kajang dijangka beroperasi bermula Julai 2017
  - Jumlah penumpang MRT dijangka mencecah kira-kira 400,000 orang sehari apabila ia siap sepenuhnya kelak. Secara keseluruhan, perkhidmatan tren termasuk komuter, monorel, LRT dan Express Rail Link (ERL) akan digunakan kira-kira 2.3 juta penumpang sehari.

membabitkan 19 stesen iaitu dari Semantan ke Kajang dijangka beroperasi sepenuhnya bermula 31 Julai 2017.

Jumlah penumpang MRT dijangka mencecah kira-kira 400,000 orang sehari apabila ia siap sepenuhnya kelak. Secara keseluruhan, perkhidmatan tren termasuk komuter, monorel, LRT dan Express Rail Link (ERL) akan digunakan kira-kira 2.3 juta penumpang sehari.

### Kerajaan sedia prasarana awam cekap, selesa

**P**ETALING JAYA – Kerajaan sedia prasarana awam cekap, selesa

(gambar) berkata, perkhidmatan MRT turut memenuhi keperluan rakyat selaras dengan aspirasi kerajaan iaitu komitmen kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menyediakan prasarana pengangkutan awam yang efisien dan selesa.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa

Klang yang komprehensif dan berintegrasi dengan perkhidmatan rel yang lain.

Beberapa stesen sepanjang jajaran ini akan berintegrasi dengan stesen-stesen Komuter, LRT, Monorel dan ERL," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran operasi fasa pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) di sini semalam.


Ali berkata, bagi kemudahan para pengguna, perkhidmatan bas pengantara MRT yang

dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn. Bhd. juga akan beroperasi untuk menghubungkan penumpang ke stesen terdekat.

"Kira-kira 8,000 tempat letak kenderaan di sepanjang laluan juga disediakan untuk keselesaan para pengguna," katanya.

Ali berkata, pihaknya juga telah berjaya memperoleh akreditasi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 baru-baru ini untuk projek MRT SBK.

## Perasmian MRT Sungai Buloh-Kajang Fasa 1



PERDANA MENTERI, Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) menyaksikan Pengaruh Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Mohd. Azamuddin Salleh (kiri) menyampaikan sijil Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 kepada Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar (dua dari kanan) pada majlis perasmian perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang fasa pertama di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya semalam. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa (kanan).



SEORANG pekerja membuat pemeriksaan ke atas mesin pembelian tiket perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang menjelang pembukaan operasinya kepada orang ramai hari ini.



NAJIB bersalaman dengan tetamu ketika menaiki perkhidmatan MRT dari Stesen Kwasa Damansara ke Sungai Buloh semalam.

**BERSEGERALAH TUNAI KEWAJIPAN! BERZAKAT DENGAN 2 CARA**

**1. BAYARAN DI KAUNTER**

**KAUNTER PPZ-MAIWP DIBUKA SETIAP HARI** TERMASUK CUTI UMUM DI BULAN DISEMBER

**Waktu Operasi**  
 Isnin - Jumaat  
 - 08:15 Pagi - 04:45 Petang  
 27 - 31 Disember  
 - 08:15 Pagi - 08:00 Malam  
 UTC Pudu Sentral  
 - 08:30 Pagi - 10:00 Malam

**2. BAYARAN DI PORTAL**

1. Layari [zakat.com.my](http://zakat.com.my)

2. Klik disini

3. Isi ruang bayar zakat

**TALIAN ZAKAT 1300 88 5757**



TETAMU pada majlis perasmian pelancaran perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang fasa satu mencuba perkhidmatan tren itu dari Stesen Kwasa Damansara ke Sungai Buloh semalam.



NAJIB menaiki perkhidmatan MRT dari Stesen Kwasa Damansara menuju ke Stesen Sungai Buloh semalam.

TREN MRT bergerak lancar selepas pelancaran perkhidmatan tersebut di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya semalam.